

KONSEP LIMA MIM: PERSEPSI PELAJAR TERHADAP GURU INOVATIF PENDIDIKAN ISLAM

(The Concept of Five Mims: Students' Perceptions of Innovative Teachers in Islamic Education)

Wan Ali Akbar Wan Abdullah ^{1,*}, Nursafra Mohd Zhaffar ², Khadijah Abdul Razak ¹ dan Mohd Isa Hamzah ¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, Malaysia

ABSTRACT – The concept of *five-mims* is the concept of Islamic Education teachers that details the role of Islamic Education teachers from five constructs, namely; *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* and *teacher*. The acceptance of this concept caused it to be used in various studies as a framework. This concept is also modified and developed in other teacher models. This study was conducted by using the concept of five memes to evaluate students' perceptions of innovative Islamic Education teachers. A total of 284 students were involved as respondents. Findings were analyzed descriptively. Findings show that the construct of *muaddib* has a higher mean value compared to other memes and is the only construct that is at a very high level. While the *mudarris* construct has the lowest mean value, but is still at a high level. This study can provide guidance to teachers, especially Islamic Education Teachers who are interested in innovating to balance the quality and role as *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* and *muallim* in order to successfully translate it into teaching practice.

ABSTRAK – Konsep lima mim adalah konsep guru Pendidikan Islam yang memperincikan peranan guru Pendidikan Islam daripada lima konstruk, iaitu; *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim*. Penerimaan konsep ini menyebabkannya ia digunakan dalam pelbagai kajian sebagai kerangka. Konsep ini turut diubahsuai dan dikembangkan dalam model-model guru yang lain. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan konsep lima mim untuk menilai persepsi pelajar terhadap guru inovatif Pendidikan Islam. Seramai 284 pelajar terlibat sebagai responden. Dapatan dianalisis secara deskriptif. Dapatan menunjukkan konstruk *muaddib* mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding mim yang lain dan merupakan satu-satunya konstruk yang berada pada tahap sangat tinggi. Manakala konstruk *mudarris* pula mempunyai nilai min yang paling rendah, namun masih berada pada tahap tinggi. Kajian ini dapat memberikan panduan kepada para guru khususnya Guru Pendidikan Islam yang minat berinovasi untuk menyeimbangkan kualiti dan peranan sebagai *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* agar berjaya menterjemahkannya ke dalam amalan pengajaran.

ARTICLE HISTORY

Received: 13th Oct. 2021

Revised: 22nd Oct. 2021

Accepted: 8th Nov. 2021

KEYWORDS

The five-mim concept

Muaddib

Mudarris

Innovative teacher

Islamic education

PENDAHULUAN

Guru adalah individu yang berada di barisan hadapan dan berperanan untuk mendidik pelajar. Namun, falsafah di sebalik didikan guru itu diperbahaskan di kalangan para sarjana. Secara umumnya para sarjana menerima bahawa guru mestilah mentarbiah (*tarbiyah*), menerapkan adab (*ta'dib*) dan mengajarkan ilmu (*ta'lim*) kepada pelajar (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2021c). Hal ini selaras dengan resolusi Muzakarah Pendidikan Islam yang berlangsung di Mekah pada 1977 yang menyimpulkan Pendidikan sebagai *at-Tarbiyah*, *at-Ta'dib* dan *at-Ta'lim* secara bersama. Secara tidak langsung, resolusi ini membawa kepada penerimaan konsep guru sebagai *murabbi*, *muaddib* dan *muallim* sebagai konsep guru yang komprehensif dan sentiasa diperbahaskan oleh para sarjana ketika itu (Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Zarin Ismail, 2010).

Pada tahun 2006, satu konsep baru telah disusun, memberi fokus kepada profesionalisme guru Pendidikan Islam. Konsep tersebut dikenali sebagai konsep lima mim yang menterjemahkan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi*, *muaddib*, *muallim*, *mursyid* dan *mudarris* (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail, 2006). Sejak daripada itu, konsep itu diperbahaskan secara teori atau dijadikan kerangka dalam kajian tertentu, terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam. Terdapat juga pengubahsuaian terhadap konsep ini, antaranya dengan menjadikan *murabbi* (Noornajihan Jaafar, 2014; Noornajihan Jaafar et al., 2012) dan *muaddib* (Nurul Asiah Fasehah Muhamad & Noornajihan Jaafar, 2021) sebagai pusat kepada mim-mim yang lain. Selain itu, konsep ini turut dikembangkan sehingga menjadi sebahagian daripada pelbagai

model lain, antaranya; Model Proses Pelaksanaan PdP Pendidikan Islam (Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi, 2012), konsep tujuh mim (Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Ahmad Marzuki Mohamad, 2019) dan model Guru Pendidikan Islam Komprehensif (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2021c).

KONSEP LIMA MIM

Konsep lima mim adalah gabungan lima konsep guru, iaitu; *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim*. Secara ringkas, *mudarris* dan *muallim* merujuk kepada guru yang mengajar pelajar, *muaddib* pula adalah guru yang membentuk nilai dan akhlak pelajar, *murabbi* pula adalah mentarbiyah pelajar berdasarkan kemampuan jiwa dan akal pelajar dan *mursyid* pula adalah guru yang membimbing pelajar menentukan nilai yang betul dalam kehidupan (Salbiah Mohamed Salleh, Jamil Ahmad, Mohd Aderi Che Noh, & Aminudin Hehsan, 2018). Perkaitan antara kelima-lima mim ini boleh difahami melalui pernyataan berikut (Noornajihan Jaafar et al., 2019):

Guru yang mengembangkan akhlak dalam diri pelajar (murabbi), bukan semata-mata pengantar ilmu (muallim), tetap turut mengaplikasikan akhlak dalam kehidupan seharian (muaddib) serta mengajar dengan berkesan (mudarris) dan mampu memberi petunjuk (mursyid) kepada pelajar.

Beberapa kajian telah dilaksanakan untuk menilai kompetensi guru Pendidikan Islam berdasarkan konsep ini. Contohnya kajian Ab. Halim Tamuri et al. (2006) menggunakan soal selidik yang diedarkan terhadap 1210 guru Pendidikan Islam dan 3166 pelajar di seluruh Malaysia serta pemerhatian pengajaran guru. Dapatan tersebut menunjukkan GPI paling dominan pada konstruk *muaddib* dan diikuti oleh konstruk *murabbi*. Perincian dapatannya adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1. Dapatan kajian lima mim mengikut peratus

	Mudarris	Muaddib	Murabbi	Mursyid	Muallim
Penilaian guru	76	88	84	83	80
Pemerhatian pengajaran guru	73	83	76	73	72
Penilaian pelajar	80	86	83	79	81

Selain itu, kajian secara lebih berfokus turut dilakukan, antaranya penilaian sendiri guru Pendidikan Islam sekolah menengah (Nurul Asiah Fasehah Muhamad, 2015) dan penilaian pelajar sekolah menengah (Ab. Halim Tamuri et al., 2010). Kajian Nurul Asiah Fasehah Muhamad (2015) dijalankan terhadap seramai 525 responden, manakala kajian Ab. Halim Tamuri et al. (2010) dijalankan terhadap 3166 responden. Dapattannya selari dengan kajian sebelumnya, iaitu konstruk *muaddib* paling dominan. Namun, kajian Nurul Asiah Fasehah Muhamad (2015) sedikit berbeza apabila mendapati konstruk *muallim* mengatasi konstruk *murabbi* berdasarkan penilaian guru. Perincian dapatan kedua-dua konstruk dalam kajian tersebut adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2. Dapatan penilaian lima mim

	Mudarris	Muaddib	Murabbi	Mursyid	Muallim
Penilaian guru	4.01	4.36	4.16	4.18	4.19
Penilaian pelajar	3.75	4.24	4.01	3.94	3.94

Berfokus kepada guru inovatif, secara teorinya, guru inovatif adalah *mudarris* (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar, 2016). Hal ini mungkin kerana *mudarris* adalah peranan rasmi guru (Noornajihan Jaafar et al., 2012). Namun, dapatan kajian-kajian lepas mendapati konstruk *mudarris* adalah konstruk yang paling rendah atau lebih rendah jika dibandingkan dengan mim yang lain. Maka timbul isu mengenai tahap skor yang terdapat pada guru inovatif Pendidikan Islam. Hal ini kerana guru inovatif seharusnya adalah individu yang mementingkan kualiti pengajarannya kepada pelajar. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menilai persepsi pelajar terhadap guru inovatif Pendidikan Islam berdasarkan konsep lima mim.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan berbentuk kuantitatif. Satu set soal selidik diedarkan kepada pelajar yang diajar oleh Guru Inovatif Pendidikan Islam (GIPI). Soal selidik tersebut diadaptasi daripada soal selidik daripada kajian Nurul Asiah Fasehah Muhamad (2015). Sedikit pengubahsuaian pernyataan item dilakukan. Hal ini kerana kajian Nurul Asiah Fasehah Muhamad (2015) menilai persepsi sendiri guru, manakala kajian ini dijalankan untuk menilai guru daripada perspektif pelajar. Maka pengubahan kata nama diubah daripada "Saya" kepada "Guru". Contoh pengubahan pernyataan item adalah "Saya memberitahu objektif pembelajaran di awal kelas", diubah kepada "Guru memberitahu objektif pembelajaran di awal kelas." Pernyataan item ini selaras sepertimana yang digunakan dalam kajian Ab. Halim Tamuri et al. (2010).

Sebanyak tujuh GIPI terlibat dengan kajian ini. Ketujuh-tujuh GIPI tersebut memiliki kriteria; 1) menghasilkan inovasi pengajaran, dan 2) memenangi pertandingan inovasi pengajaran sekurang-kurangnya di peringkat kebangsaan. Jumlah populasi bagi pelajar yang diajar oleh ketujuh-tujuh GIPI tersebut adalah 1080, menjadikan jumlah sampel mencukupi dengan 284 responden (Krejcie & Morgan, 1970). Pembahagian secara strata turut dilakukan berdasarkan peratusan populasi. Demografi responden bagi pelajar ketujuh-tujuh GIPI ini adalah seperti berikut:

Jadual 3. Demografi responden (N=284)

Sudut		Frekuensi	Peratus
GIPI	U1	29	10.2
	U2	54	19.0
	U3	22	7.7
	U4	11	3.9
	U5	32	11.3
	U6	75	26.4
	U7	61	21.5
Jantina	Lelaki	85	29.9
	Perempuan	199	70.1
Tingkatan	1	9	3.2
	2	17	6.0
	3	80	28.2
	4	54	19.0
	5	124	43.7

Kajian ini dijalankan secara deskriptif. Dapatan kajian ini akan ditafsir menggunakan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006), sama seperti yang digunakan oleh Nurul Asiah Fasehah Muhamad (2015), iaitu seperti berikut:

Jadual 4. Interpretasi skor min

Nilai Skor Min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat rendah
1.90-2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat tinggi

Perincian dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk frekuensi dan peratus. Frekuensi berada di atas, manakala peratus berada di bawah.

DAPATAN KAJIAN

Lima konstruk yang dianalisis, ialah; *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim*.

a. Mudarris

Konstruk *mudarris* menunjukkan bahawa tahap guru inovatif Pendidikan Islam sebagai *mudarris* berada pada tahap tinggi (min: 3.96). Pelajar berpandangan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam memulakan kelas selepas pelajar telah bersedia, menggunakan pelbagai pendekatan untuk menyampaikan pengajaran dan mencatat isi penting di papan putih/slide. Namun, guru paling kurang menggunakan tulisan jawi ketika mengajar. Perincian dapatan bagi konstruk *mudarris* adalah seperti berikut:

Jadual 5. Perincian dapatan mudarris (N=284)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
1	Guru memberitahu objektif pembelajaran di awal kelas.	2 0.7	25 8.8	52 18.3	75 26.4	130 45.8	4.08
2	Guru memulakan kelas apabila murid sudah bersedia.	-	8 2.8	39 13.7	81 28.5	156 54.9	4.36

Jadual 6. (samb.)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
3	Guru meraikan soalan murid ketika mengajar.	2 0.7	20 7.7	49 17.3	95 33.5	118 41.5	4.08
4	Guru menggunakan pelbagai pendekatan untuk menyampaikan pengajaran.	-	9 3.2	46 16.2	76 26.8	153 53.9	4.31
5	Guru mencatat isi-isi penting pengajaran di papan hitam/putih/Slide.	-	16 5.6	47 16.5	75 26.4	146 51.4	4.24
6	Guru mengajar dengan laju.	8 2.8	23 8.1	38 13.4	122 43.0	93 32.7	3.95
7	Guru mengajar secara sistematik.	4 1.4	22 7.7	62 21.8	94 33.1	102 35.9	3.94
8	Guru menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) ketika mengajar.	9 3.2	35 12.3	58 20.4	97 34.2	85 29.9	3.75
9	Guru membuat kesimpulan di akhir pengajaran.	1 0.4	21 7.4	40 14.1	73 25.7	149 52.5	4.23
10	Guru hanya duduk setempat sewaktu mengajar.	18 6.3	20 7.0	21 7.4	88 31.0	137 48.2	4.08
11	Guru menggunakan tulisan jawi ketika mengajar.	42 14.8	122 43.0	63 22.2	37 13.0	20 7.0	2.55
12	Guru menjalankan aktiviti yang menyeronokkan di dalam kelas.	5 1.8	24 8.5	54 19.0	85 29.9	116 40.8	4.00
							3.96

Kesimpulannya, semua item berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi kecuali item 11 yang menunjukkan interpretasi rendah.

b. Muaddib

Konstruk *muaddib* menunjukkan bahawa tahap guru inovatif Pendidikan Islam sebagai *muaddib* berada pada tahap sangat tinggi (min: 4.46). Pelajar berpandangan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam menggunakan bahasa pertuturan yang baik, menunjukkan contoh yang baik dan berpakaian yang sesuai semasa mengajar. Namun, guru kurang tepat waktu ketika masuk ke kelas. Perincian dapatan bagi konstruk *muaddib* adalah seperti berikut:

Jadual 7. Perincian dapatan muaddib (N=284)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
13	Guru memakai pakaian yang bersesuaian semasa mengajar.	-	4 1.4	26 9.2	48 16.9	206 72.5	4.61
14	Guru memanggil murid dengan cara yang baik.	-	2 0.7	32 11.3	47 16.5	203 71.5	4.59
15	Guru menunjukkan contoh yang baik kepada murid.	-	3 1.1	27 9.5	48 16.9	206 72.5	4.61
16	Guru menggunakan bahasa pertuturan yang baik.	-	3 1.1	26 9.2	47 16.5	208 73.2	4.62
17	Guru menegur murid yang melakukan kesalahan moral.	3 1.1	8 2.8	36 12.7	79 27.8	158 55.6	4.34
18	Guru menjalankan sesi pengajaran dengan ceria.	-	6 2.1	35 12.3	61 21.5	182 64.1	4.48
19	Guru mengambil berat tentang akhlakunya.	-	8 2.8	29 10.2	73 25.7	174 61.3	4.45
20	Guru mengambil berat tentang adab murid.	-	2 0.7	33 11.6	65 22.9	184 64.8	4.52
21	Guru mengamalkan apa-apa yang diajarkan kepada murid.	-	5 1.8	44 15.5	83 29.2	152 53.5	4.35
22	Guru masuk ke kelas tepat pada waktunya.	-	19 6.7	58 20.4	116 40.8	91 32.0	3.98
							4.46

Kesimpulannya, kesemua item berada pada tahap sangat tinggi kecuali item 22 yang berada pada tahap tinggi.

c. Murabbi

Konstruk *murabbi* menunjukkan bahawa tahap guru inovatif Pendidikan Islam sebagai *murabbi* berada pada tahap tinggi (min: 4.27). Pelajar berpandangan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam menyayangi semua pelajar, memaafkan kesalahan pelajar-pelajarnya dan memberi galakan kepada pelajar-pelajarnya untuk terus maju. Namun, guru inovatif Pendidikan Islam kurang berleter dan kurang mendenda pelajar-pelajarnya. Perincian dapatan bagi konstruk *murabbi* adalah seperti berikut:

Jadual 8. Perincian dapatan murabbi (N=284)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
23	Guru menekankan aspek keimanan dalam pengajaran.	-	3	32	77	172	4.47
			1.1	11.3	27.1	60.6	
24	Guru memberi galakan kepada murid untuk terus maju.	-	3	35	65	181	4.49
			1.1	12.3	22.9	63.7	
25	Guru sabar dengan kerenah murid.	-	4	38	77	165	4.42
			1.4	13.4	27.1	58.1	
26	Guru mendidik murid mengikut kecenderungan yang dimiliki.	7	11	49	109	108	4.06
		2.5	3.9	17.3	38.4	38.0	
27	Guru sukar untuk memaafkan kesalahan murid.	14	7	16	31	216	4.51
		4.9	2.5	5.6	10.9	76.1	
28	Guru melayan semua murid seperti keluarga.	1	10	35	80	158	4.35
		0.4	3.5	12.3	28.2	55.6	
29	Guru suka berleter dalam kelas.	12	24	64	99	85	3.78
		4.2	8.5	22.5	34.9	29.9	
30	Guru meraikan semua pendapat yang dilontarkan oleh murid.	1	13	44	89	137	4.23
		0.4	4.6	15.5	31.3	48.2	
31	Guru menasihati murid supaya mengamalkan sikap tolong-menolong.	1	10	39	72	162	4.35
		0.4	3.5	13.7	25.4	57.0	
32	Guru mengenali semua murid di bawah jagaannya dengan baik.	-	10	45	78	151	4.30
			3.5	15.8	27.5	53.2	
33	Guru sayang semua muridnya.	-	4	35	42	203	4.56
			1.4	12.3	14.8	71.5	
34	Guru mendenda murid untuk tujuan mendidik.	14	46	63	77	84	3.60
		4.9	16.2	22.2	27.1	29.6	
35	Guru mendampingi setiap murid dengan mesra.	3	10	40	62	169	4.35
		1.1	3.5	14.1	21.8	59.5	
							4.27

Kesimpulannya, semua item berada pada tahap sangat tinggi kecuali item 26, 29 dan 34 yang berada pada tahap tinggi.

d. Mursyid

Konstruk *mursyid* menunjukkan bahawa tahap guru inovatif Pendidikan Islam sebagai *mursyid* berada pada tahap tinggi (min: 4.29). Pelajar berpandangan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam memberikan semangat kepada pelajar untuk terus berusaha, mengingatkan pelajar tentang tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah dan sentiasa mengamalkan gaya kepimpinan yang mesra pelajar. Namun, guru inovatif Pendidikan Islam didapati kurang mendidik pelajar-pelajarnya dengan tegas. Perincian dapatan bagi konstruk *mursyid* adalah seperti berikut:

Jadual 9. Perincian dapatan mursyid (N=284)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
36	Guru memberi semangat kepada murid untuk terus berusaha.	-	4	30	55	195	4.55
			1.4	10.6	19.4	68.7	
37	Guru mengamalkan gaya kepimpinan secara mesra murid.	-	4	36	64	180	4.48
			1.4	12.7	22.5	63.4	
38	Guru memimpin setiap murid secara berhikmah.	-	6	37	69	172	4.43
			2.1	13.0	24.3	60.6	
39	Guru peka dengan masalah murid.	1	15	58	97	113	4.08
		0.4	5.3	20.4	34.2	39.8	

Jadual 10. (samb.)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
40	Guru mendidik murid dengan tegas.	14 4.9	31 10.9	62 21.8	96 33.8	81 28.5	3.70
41	Guru melatih murid untuk menjadi ketua yang bertanggungjawab.	-	11 3.9	35 12.3	84 29.6	154 54.2	4.34
42	Guru membimbing murid untuk membuat keputusan yang baik.	-	4 1.4	37 13.0	70 24.6	173 60.9	4.45
43	Guru bertindak pantas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh murid.	2 0.7	14 4.9	49 17.3	106 37.3	113 39.8	4.11
44	Guru bertindak adil terhadap murid.	4 1.4	8 2.8	39 13.7	82 28.9	151 53.2	4.30
45	Guru mengawal kelas secara berkesan.	-	9 3.2	42 14.8	95 33.5	138 48.6	4.27
46	Guru mengingatkan murid tentang tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah	-	5 1.8	37 13.0	53 18.7	189 66.5	4.50
47	Guru berbincang terlebih dahulu dengan murid sebelum memutuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan mereka.	2 0.7	10 3.5	40 14.1	90 31.7	142 50.0	4.27
							4.29

Kesimpulannya, tujuh item berada pada tahap sangat tinggi dan lima item berada pada tahap tinggi.

e. Muallim

Konstruk *muallim* menunjukkan bahawa tahap guru inovatif Pendidikan Islam sebagai *muallim* berada pada tahap tinggi (min: 4.08). Pelajar berpandangan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam menggunakan contoh yang bersesuaian bagi membantu pelajar faham dan menggalakkan pelajar untuk sentiasa menambah ilmu pengetahuan. Namun, guru inovatif Pendidikan Islam tidak meningkatkan kemahirannya dalam tulisan jawi, kurang mengintegrasikan isi pelajaran Pendidikan Islam dengan subjek lain dan kurang menyelitikan teori-teori sains yang berkaitan. Perincian dapatan bagi konstruk *muallim* adalah seperti berikut:

Jadual 11. Perincian dapatan muallim (N=284)

No. Item	Item	1	2	3	4	5	Min
48	Guru menggunakan contoh yang bersesuaian bagi memudahkan murid faham.	-	4 1.4	37 13.0	56 19.7	187 65.8	4.50
49	Guru menggalakkan murid untuk sentiasa menambah ilmu pengetahuan.	1 0.7	6 2.1	32 11.3	64 22.5	180 63.4	4.46
50	Ketika mengajar akhlak, guru memberikan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan.	-	8 2.8	50 17.6	83 29.2	143 50.4	4.27
51	Guru meningkatkan kemahiran tilawah al-Quran	-	9 3.2	46 16.2	79 27.8	150 52.8	4.30
52	Guru menggalakkan murid berfikir sewaktu proses pengajaran berlangsung.	1 0.4	7 2.5	42 14.8	84 29.6	150 52.8	4.32
53	Guru mengaitkan pengajaran dengan isu-isu semasa.	1 0.4	13 4.6	52 18.3	90 31.7	128 45.1	4.17
54	Guru meningkatkan kemahiran dalam selok-belok agama.	3 1.1	9 3.2	41 14.4	87 30.6	144 50.7	4.27
55	Guru meningkatkan kemahiran dalam penulisan jawi.	4 1.4	32 11.3	72 25.4	86 30.3	90 31.7	3.80
56	Selain daripada buku teks, guru menggunakan rujukan lain sewaktu mengajar.	4 1.4	22 7.7	56 19.7	87 30.6	115 40.5	4.01
57	Guru mengaitkan Pendidikan Islam dengan subjek-subjek lain seperti sains, matematik dan sejarah.	25 8.8	37 13.0	90 31.6	75 26.4	57 20.1	3.36
58	Ketika menerangkan sesuatu ayat al-Quran, guru menyelitikan teori-teori sains yang berkaitan.	19 6.7	46 16.2	79 27.8	73 25.7	67 23.6	3.43
							4.08

PERBINCANGAN

Keseluruhan item menunjukkan skor interpretasi tinggi dan sangat tinggi kecuali tiga item, iaitu; item 11 (*mudarris*) yang berada pada tahap rendah (min: 2.55) serta item 57 dan 58 (*muallim*) yang berada pada tahap sederhana. Item 11 adalah berkenaan dengan penggunaan tulisan jawi oleh guru inovatif Pendidikan Islam ketika mengajar. Dapatan ini selari dengan item 55 yang menunjukkan pelajar berpandangan tahap guru meningkatkan kemahiran dalam penulisan jawi berada pada tahap tinggi (min 3.80). Dapatan ini mungkin menunjukkan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam kurang menguasai jawi. Hal ini selari dengan dapatan beberapa kajian yang menunjukkan penguasaan jawi oleh guru Pendidikan Islam berada pada tahap lemah (Abdullah, 2012; Samsudin & Mohd Aderi Che Noh, 2016). Namun, ia mungkin juga kerana guru inovatif mementingkan kepada penguasaan isi kandungan Pendidikan Islam sehingga mengambil tindakan untuk mengabaikan tulisan jawi. Hal ini kerana penguasaan jawi pelajar berada pada tahap lemah dan memberi kesan yang signifikan terhadap minat dan pencapaian mereka dalam subjek Pendidikan Islam (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Kelemahan penguasaan jawi juga menyebabkan pelajar bermasalah ketika menggunakan buku teks Pendidikan Islam (Affandi Ag Ghani, 2006). Menjadi guru inovatif memerlukan mereka memahami masalah dan isu yang ada pada pelajar (Amabile, 1988; Thurlings, Evers, & Vermeulen, 2015; Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2020a; Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar, 2019) menyebabkan guru cenderung menggunakan tulisan rumi berbanding jawi bagi meraikan pelajar yang lemah jawi (Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, & Ab. Halim Tamuri, 2013).

Item 57 dan 58 pula adalah berkenaan dengan integrasi Pendidikan Islam dengan subjek lain. Berdasarkan dapatan item 57 dan 58, guru inovatif Pendidikan Islam kurang mengintegrasikan isi pelajaran Pendidikan Islam dengan subjek lain. Hal ini tidak sesuai sebagai seorang guru inovatif kerana guru inovatif adalah individu yang mahir menghasilkan inovasi (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2020b, 2021b). Inovasi adalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) tertinggi dalam hierarki kemahiran berfikir aras tinggi (Anderson & Krathwohl, 2001). KBAT dalam Islam pula difahami melalui pengintegrasian antara dua jenis ilmu (Mohd Zaidi Ismail, 2014, 2016). Hanya dengan integrasi ilmu, KBAT berjaya dihasilkan (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, & Ab. Halim Tamuri, 2020; Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa, & Mohd Syaubari Othman, 2020). Oleh itu, adakah ini menunjukkan bahawa guru inovatif gagal menunjukkan model yang terbaik bagi merangsang pemikiran KBAT pelajar? Hal ini kerana, untuk merangsang pemikiran KBAT pelajar, guru terlebih dahulu perlu menjadi model terbaik untuk KBAT (Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, 2016). Pada pandangan pengkaji, isu ini timbul mungkin disebabkan guru inovatif terlalu menekankan kepada penguasaan dan pencapaian pelajar terhadap sesuatu isi kandungan pelajaran, lalu menyebabkan mereka kurang mengintegrasikan Pendidikan Islam dengan subjek lain. Pada masa yang sama, ia mungkin juga timbul kerana kekurangan ilmu lain yang boleh diintegrasikan ketika pengajaran mereka (Rafizah Mohamed Salleh, Mohd Isa Hamzah, & Hafizah Zulkifli, 2020). Masalah ini adalah kerana kurang pembacaan, latihan dan masa untuk persediaan pengajaran (Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Dalam hal ini, guru Pendidikan Islam boleh berkolaborasi dengan guru subjek lain agar integrasi ilmu dapat berlaku (Zetty Nurzuliana Rashed, Siti Rashidah Abd Razak, Norshilawani Shahidan, Ahmad Syafiq Mat Razali, & Zanaton Iksan, 2017). Melalui integrasi, pelajar akan dapat memahami bahawa setiap ilmu fardhu kifayah yang dipelajarinya sebenarnya berpusat kepada akidah dan nilai Islam (Fatahiyah Elias, 2020; Supriada, 2016).

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa konstruk *muaddib* paling dominan, diikuti dengan *mursyid*, *murabbi*, *muallim* dan *mudarris*. Perinciannya adalah seperti berikut:

Jadual 12. Skor min lima mim (N=284)

Konstruk	Min	Interpretasi
Mudarris	3.96	Tinggi
Muaddib	4.46	Sangat tinggi
Murabbi	4.27	Tinggi
Mursyid	4.29	Tinggi
Muallim	4.08	Tinggi
	4.21	Tinggi

Dapatan ini menepati dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan guru Pendidikan Islam adalah *muaddib*, manakala *mudarris* berada di paras yang rendah berbanding mim yang lain. Dapatan ini bercanggah dengan pandangan Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar (2016) yang menyatakan bahawa guru inovatif adalah *mudarris*. Hal ini menunjukkan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam mempunyai kecenderungan yang hampir sama seperti guru Pendidikan Islam yang lain, iaitu mengutamakan penerapan nilai (*ta'dib*) dan tarbiyah kepada pelajar. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam cenderung sebagai seorang guru yang mempunyai karakter muslim berbanding karakter inovator yang segelintirnya tidak selari dengan akhlak Islam (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar, 2021).

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai persepsi pelajar terhadap guru inovatif Pendidikan Islam. Kerangka konsep lima mim digunakan. Dapatan kajian mengesahkan dapatan kajian lepas yang menunjukkan guru Pendidikan Islam adalah *muaddib*. Dapatan ini turut menolak pandangan yang menyatakan bahawa konstruk *mudarris* paling mendominasi guru inovatif Pendidikan Islam. Namun kajian ini dijalankan berdasarkan persepsi pelajar. Masih terdapat banyak ruang untuk melihat dapatan ini, antaranya dengan penilaian sendiri oleh guru inovatif Pendidikan Islam serta pemerhatian. Namun, kesukaran kajian ini adalah kerana tiada data mengenai guru inovatif Pendidikan Islam (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2021a) menyebabkan sukar untuk menjangka jumlah populasi dan bilangan sampel yang diperlukan untuk menjalankan kajian tersebut. Sebagai tambahan, penggunaan konsep ini boleh juga digunakan untuk menilai guru opsyen selain Pendidikan Islam. Kajian ini dapat memberikan implikasi kepada para guru khususnya Guru Pendidikan Islam yang minat berinovasi untuk menyeimbangkan kualiti dan peranan sebagai *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* serta berjaya menterjemahkannya ke dalam amalan pengajaran.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Awaluddin, S., Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak, Zarin Ismail, & Mohd Aderi Che Noh. (2006). Laporan Penyelidikan Kajian Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan Menengah.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Zarin Ismail. (2010). Penilaian Pelajar-pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia. In *Persidangan Serantau Pendidikan Islam* (pp. 1–12).
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmii. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63. <https://doi.org/10.7187/GJAT232012.02.02>
- Ab. Halim Tamuri, & Zarin Ismail. (2006). Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim. In *Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam* (pp. 1–15). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, Z. (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Affandi Ag Ghani. (2006). Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Buku Teks Jawi Pendidikan Islam dalam Pembelajaran: Satu Kajian ke atas Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai, Johor Bahru. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Amabile, T. (1988). A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior*, 10, 123–167.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy*. New York: Longman Publishing.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). Laporan Kajian Penilaian Graduan NPQH. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Fatahiyah Elias. (2020). Amalan Guru tentang Pendekatan Berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah untuk Pembelajaran Murid. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610. <https://doi.org/10.1891/9780826138446.0006>
- Mohd Zaidi Ismail. (2014). *Islam & Higher-Order Thinking: An Overview*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohd Zaidi Ismail. (2016). *Aqal dalam Islam: Satu Tinjauan Epistemologi*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, & Ahmad Marzuki Mohamad. (2019). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PDPC). In *Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference* (pp. 332–340). Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 22, 161–172.
- Noornajihan Jaafar. (2014). Pengaruh Efikasi Kendiri dan Faktor Persekitaran terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noornajihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd, Norakyairee Mohd Raus, & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2012). The Importance of Self-Efficacy: A Need For Islamic Teachers as Murabbi. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 69(2012), 359–366. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.421>
- Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Ab. Halim Tamuri, Azhar Ahmad, Nur Hanani Hussin, Mohd Khamal Md. Daud, & Maziahtusima Ishak. (2019). The Significant Correlation between Self Efficacy and the

- Role of Islamic Education Teachers as a Society Change Agent. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 10(3), 83–89. <https://doi.org/10.2478/mjss-2019-0044>
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, & Ab. Halim Tamuri. (2013). Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 10–19.
- Nursafra Mohd Zhaffar. (2017). Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad. (2015). Pengaruh Tahap Kepercayaan Epistemologi Islam dan Tahap Konsep Kendiri terhadap Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, & Noornajihan Jaafar. (2021). Teacher Character across Levels of Study: Application of the 5 M Concept. *Sains Humanika*, 13(2), 45–53.
- Rafizah Mohamed Salleh, Mohd Isa Hamzah, & Hafizhah Zulkifli. (2020). Order Thinking Skills (HOTS) in Teaching: Issues, Problems and Challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 9(2), 518–526. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v9-i2/7395>
- Salbiah Mohamed Salleh, Jamil Ahmad, Mohd Aderi Che Noh, & Aminudin Hehsan. (2018). Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam Di Malaysia. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(2), 80–93.
- Samsudin, S. M., & Mohd Aderi Che Noh. (2016). Pembudayaan Penggunaan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. In *Wacana Pendidikan Islam Siri ke-11* (pp. 23–24).
- Supriada, A. (2016). Konsep Pembaruan Sistem Pendidikan Islam menurut Muhammad Abduh. *Kordinat: Jurnal Komunikasi Antar Perguruan Tinggi Agama Islam*, 15(1), 31–60.
- Thurlings, M., Evers, A. T., & Vermeulen, M. (2015). Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior: A Literature Review. *Review of Educational Research*, 85(3), 430–471. <https://doi.org/10.3102/0034654314557949>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2020a). Allah sebagai al- Badi ': Inspirasi untuk menjadi Guru Inovatif. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies*, 2(1).
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2020b). Pengurusan Masa Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Online Journal Of Islamic Education*, 8(2), 33–39.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021a). Generating Teaching Innovation Among Teachers: What is the Role of School Administrators ? *Journal of Contemporary Issue in Business and Government*, 27(3), 74–81. <https://doi.org/10.47750/cibg.2021.27.03.010>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021b). Inovasi i-Think menurut Perspektif Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(1), 1–8.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021c). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1), 63–74.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2019). Karakter Guru Inovatif Berdasarkan Surah al-Kahfi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, Special Is*(December), 13–22.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2021). Kerangka Karakter Inovator Menurut Perspektif Islam. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(1), 1–11.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2016). Tuntutan, Ciri dan Contoh Ustaz/Ustazah Inovatif. In Noornajihan Jaafar (Ed.), *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam* (pp. 289–308). Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, & Ab. Halim Tamuri. (2020). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam. *Sains Insani*, 5(1), 14–21.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa, & Mohd Syaubari Othman. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 4(2), 11–21.
- Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Siti Rashidah Abd Razak, Norshilawani Shahidan, Ahmad Syafiq Mat Razali, & Zanaton Iksan. (2017). Pengintegrasian Ilmu Aqli Dan Naqli Melalui Pendekatan “Lesson Study” Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 4(1), 30–42. Retrieved from rnc.kuis.edu.my/jpi/